



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



#KitaSelangor

Rujukan kami : PWN.SEI.600-5/3/6 (39)
Tarikh : Zulhijjah 1445H
24 Jun 2024

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri

YB Dato' Setia/ YB Dato'/ Y.Bhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato'/ Tuan / Puan

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 4 TAHUN 2024:
PENYERAGAMAN PENGGUNAAN KOD AKAUN (CARTA AKAUN AKRUAN – CAA),
PERIHAL DAN MODUL BAYARAN iSPEKS**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Arahan Operasi ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berhubung penyeragaman penggunaan kod akaun (CAA), perihal dan modul bayaran iSPEKS yang perlu digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan **MyCODE PNS**. Ini penting bagi memastikan proses semakan Pejabat Perakaunan (AO) adalah seragam bagi memastikan penyediaan Arahan Pembayaran dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran mengikut arahan/peraturan yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ boleh merujuk kepada MyCODE PNS sebagai panduan dan rujukan bagi tujuan penyediaan/ semakan Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran dan transaksi-transaksi lain yang berkaitan. **MyCODE PNS ini boleh diakses melalui pautan berikut:**

<https://ls.selangor.my/aLKwWa>

4. PTJ perlu merujuk **Carta Akaun Akruan - iSPEKS Selangor (COA_SLGR)** bersama pekeliling/ surat pekeliling Carta Akaun Akruan yang berkuat kuasa bagi penjelasan lanjut/ kod akaun yang tidak disenaraikan di dalam MyCODE PNS. **COA_SLGR ini boleh diakses melalui pautan berikut:**

<https://ls.selangor.my/C1xnCV>

5. MyCODE PNS ini telah mengambil kira maklumat perihal Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran seperti mana maklumat yang diperlukan tertera di Penyata Bank penerima bayaran. Maklumat perihal bayaran hendaklah menyatakan nombor invoice dan



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 09780

tujuan bayaran/ keterangan yang bersesuaian mengikut jenis bayaran. Selaras dengan kemudahan di sistem bank, hanya 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Bank penerima bayaran seperti di **Lampiran 1**.

6. Justeru, Pengesah Pejabat Bendahari Negeri akan melaksanakan proses semak dan sah berdasarkan panduan perihal bayaran yang dinyatakan di dalam Lampiran 1, pautan MyCODE dan COA_SLGR yang diberikan. Arahan Operasi ini **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2024**.

Sekian, terima kasih.

"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BAHARIM) C.A(M),FCMA,CGMA
Bendahari Negeri Selangor
b.p. YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Salinan kepada :

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

CONTOH CATATAN PERIHAL BAYARAN MENGIKUT JENIS DAN PENERIMA BAYARAN
(sistem membenarkan perihal sehingga 100 aksara, 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Bank)

5.1 Bayaran Kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Yang Memberikan Perkhidmatan

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor rujukan yang mengandungi maklumat kod PTJ yang memberikan perkhidmatan dan nombor invoice seperti berikut :

Kod PTJ	Nombor Invois/ Rujukan
20100000	A12345678

Contoh perihal bayaran kepada PTJ :

- a. 2010000/A12345678 – Bayaran sewaan Auditorium, Dewan Jubli Perak untuk program Konvensyen Pendidikan

5.2 Bayaran Kepada Pembekal

(i) Tanpa Kontrak

Perihal pembayaran bagi perolehan hendaklah mengandungi nombor rujukan invoice dan tarikh seperti berikut :

No. Invois	Tarikh
BC12345W	11042023

Contoh perihal bayaran kepada Pembekal :

- a. BC12345W/11042023 – Pembelian lesen perisian

(ii) Dengan Kontrak

Perihal pembayaran bagi perolehan hendaklah mengandungi nombor kontrak, nombor rujukan invois dan tarikh seperti berikut :

No. Kontrak	No. Invois	Tarikh
PNS012023	BC12345W	11042023

Contoh perihal bayaran kepada Pembekal :

- b. PNS012023/BC12345W/11042023 – Perkhidmatan Kawalan Keselamatan bagi bulan Mac 2023

5.3 Bayaran Kepada Individu

Perihal bayaran hendaklah mengandungi catatan ringkas jenis bayaran, bulan dan tahun seperti berikut :

Catatan ringkas	Bulan	Tahun
TNT	04	2023
CERAMAH	04	2023

Contoh perihal bayaran kepada Individu:

- a. TNT 04/2023 – Tuntutan Perjalanan bulan April 2023
- b. CERAMAH 04/2023 – Bayaran saguhati penceramah bukan kakitangan awam

5.4 Bayaran Kepada Agensi Pukal (Arahan Pembayaran berdasarkan keperluan sahaja seperti akaun belum dipukalkan)

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor akaun, nombor invois dan tarikh seperti berikut :

Nombor akaun (Tertakluk kepada bilangan digit yang ditetapkan oleh agensi)	Nombor Invois	Tarikh Invois
324443423523	9004063287	1 April 2023

Contoh perihal bayaran kepada Agensi :

324443423523/ 9004063287/ 01042023 - Bayaran bil utiliti elektrik pejabat April 2023

5.5 Bayaran Kepada KWSP

Perihal bayaran hendaklah mengandungi 20 aksara di ruangan perihal bayaran seperti berikut :

No. Rujukan Majikan	Bulan Caruman	Jenis Bayaran	Kod Negeri
000840823	022024	A	0100

Contoh perihal bayaran Caruman Borang A :

a. 000840823022024A0100

Nota:

Perihal Maklumat Bayaran	Jumlah Digit	Catatan
No. Rujukan Majikan	9 digit	No. Rujukan majikan (mulakan dengan "0" sekiranya No. Rujukan majikan tidak cukup 9 digit dan sila pastikan ianya masih aktif)
Bulan Caruman	6 digit	Bulan caruman (BBTTTT)
Jenis Bayaran	1 digit	Jenis bayaran (A untuk borang A, D untuk Dividen dan L untuk faedah)
Kod Negeri	4 digit	Kod Negeri (0100 untuk Selangor)

5.6 Bayaran Kepada PERKESO

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor Kod Majikan dan *Acknowledgement Reference* (ACR) seperti berikut :

No. Kod Majikan (12 Digit)	<i>Acknowledgement Reference</i> (ACR) (mmyyyy)
B3300010763Z	ACR123456789012032024

Contoh *perihal bayaran kepada PERKESO* :

- a. B3300010763ZACR123456789012032024

5.7 Bayaran Kepada Hospital di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor

Perihal bayaran hendaklah mengandungi Kod Kumpulan PTJ (Hospital) dan No. Invois seperti berikut :

Kod Kumpulan PTJ (Hospital)	No. Invois
42060601	AB1234

Contoh *perihal bayaran kepada JANM Selangor* :

- a. 42060601/AB1234 – Bil hospital Encik Ali bagi bulan Jun 2023

Nota:

Jabatan/PTJ dikehendaki untuk menghantar notifikasi bayaran melalui e-mel kepada hospital berkaitan dan membuat salinan e-mel kepada JANM Negeri Selangor melalui terimaan_sgr@anm.gov.my setelah bayaran dibuat.

MyCODE PNS (kemaskini 20.6.2024).xlsx

https://sukselangor-my.sharepoint.com/:x:/g/personal/bendahari_selangor_gov_my/ER-PRTO5hfJAJ1uzaTMif6ABHiJUr_bc-pH820K79PBA2g?e=2vXfSu

<https://ls.selangor.my/aLKwWa>



MOK COA SLGR 072023.xlsx

https://sukselangor-my.sharepoint.com/:x:/g/personal/bendahari_selangor_gov_my/ESai53yavZxBgBjQbiWg5hkBdowhRUCfpYdVWj1nAYu62Q?e=bGlw58

<https://ls.selangor.my/C1xnCV>

